



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PPP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 10 OKTOBER 2023



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

900 pegawai turun padang pantau harga

Kuala Lumpur: Seramai 2,200 penguat kuasa turun padang bagi memantau bekalan makanan, harga barang dan membantulas aktiviti pencaututan setiap hari.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Fuziah Salleh berkata, seramai 900 pegawai pemantau harga turut ditempatkan di seluruh negara bagi memeriksa harga barangan yang dijual oleh premis seluruh negara.

"Pada masa sama, pegawai penguat kuasa kita ada jadual tetap dan mereka akan menerjah serta membuat pemeriksaan mengejut di premis kedai.

"Selain itu, ada juga yang berpakaian preman, mereka berpakaian orang biasa dan menyiasat keadaan di kedai-kedai," katanya di Dewan Rakyat, di sini, semalam.

Beliau menjawab soalan daripada **Datuk Seri Doris Sophia Anak Brodi (GPS-Sri Aman)** berkaitan penguatkuasaan dilaksanakan kementerian bagi memantau bekalan dan harga barang dalam pasaran.

Menjawab soalan tam-



FUZIAH

bahan daripada **Datuk Siti Zailah Mohd Yusoff (PN-Rantau Panjang)** berkaitan kos ditanggung kerajaan bagi melaksanakan Jualan Rahmah, Fuziah berkata, pihaknya mendapat subsidi RM150 juta untuk melaksanakan program berkenaan.

"Kita mendapat RM150 juta. RM100 juta diluluskan di Parlimen untuk Bajet 2023 dan RM50 diumumkan oleh Perdana Menteri (Datuk Seri Anwar Ibrahim) sebagai tambahan.

"Setakat ini kita sudah menyantuni sebanyak empat juta rakyat Malaysia dalam Program Jualan Rahmah dan nilai jualannya RM890 juta," katanya.

2,200 officers monitor food supply daily, says Fuziah

AT least 2,200 enforcement officers are being deployed on a daily basis to monitor the situation of food supply nationwide, says Deputy Domestic Trade and Cost of Living Minister Senator Fuziah Salleh.

She said that of the number, a total of 900 price monitoring officers were also stationed nationwide as the ministry wants to ensure there is sufficient food supply in the country.

She said the ministry's enforcement officers were also carrying out raids on business premises.

Its plainclothes officers were also on the ground to check on the prices of goods while ensuring a sufficient food supply.

"Our enforcers have a schedule, but from time to time they also carry out unannounced checks.

"There are also those who dressed as ordinary people out to investigate shops instead of just following a schedule," she told the Dewan Rakyat yesterday.

Fuziah responded to Datuk Seri Doris Sophia Brodi (GPS-Sri Aman) regarding the enforcement measures taken by the ministry to keep an eye on the availability and cost of goods in the market.

On another question regarding Jualan Rahmah, she said the programme had so far benefitted 40 million Malaysians.

"The subsidy for Jualan Rahmah was RM150mil-RM100mil and was allocated under Budget 2023, and the Prime Minister later approved an additional RM50mil.

"So far, we have reached out to 40 million people, and the total purchase stands at RM890mil," she added.

Menu Rahmah is an initiative offering a balanced meal of rice, protein and vegetables for just RM5 at more than 15,000 food outlets.

Dakwaan beras plastik di Sabah disiasat

KOTA KINABALU

- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) sedang menjalankan siasatan terperinci berhubung dakwaan penjualan beras plastik di sebuah premis di Sabah.

Pemangku Menteri, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, pihaknya mengarahkan penyiasatan dilakukan serta-merta oleh KPDN Cawangan Sandakan.

"Siasatan dilakukan KPDN cawangan tersebut bersama Bahagian Kawalselia Padi dan Beras (KPB).

"Setakat ini siasatan dibuka di bawah Seksyen 5 Akta Perihal Dagangan 2011. Lawatan telah dilakukan di premis terlibat manakala maklumat tambahan juga sedang diperoleh daripada pengadu yang telah memviralkan video tersebut selain menyemak invoice daripada peruncit dan pembekal," katanya kepada pemberita selepas menyempurnakan Majlis Amanat dan Penyerahan Surat Pelantikan Pegawai Lantikan Secara Kontrak Jurutera dan



AB ALIM

Penolong Jurutera di sini pada Isnin.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas video tular di media sosial dakwaan penjualan beras diperbuat daripada plastik di sebuah premis di negeri ini.

Sementara itu, Pengarah KPB Sabah, Ab Alim

Multazam berkata, pihaknya telah mengambil sampel beras yang didakwa plastik daripada premis peruncit dan pembekal untuk dihantar ke Jabatan Kimia.

Jelasnya, aduan secara rasmi sudah diterima daripada peruncit dan pembekal jenama beras tersebut berhubung isu tular itu.

"Pihak KPB sudah menjalankan siasatan berkaitan dakwaan ini dengan melakukan pengambilan sampel beras di kedai runcit pada jam 11 pagi tadi (Isnin) dan di gudang pada jam 12 tengah hari untuk dihantar ke Jabatan Kimia bagi tujuan analisis.

"Bagaimanapun, pihak KPB menangkis dakwaan terdapat beras plastik di dalam negara ini secara amnya," tegasnya.



Tangkap layar video tular memaparkan seorang lelaki mendakwa beras yang dijual di sebuah premis di Sabah adalah plastik.

KPDN terus cari jalan tangani kenaikan harga barang

KUALA LUMPUR – Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan terus mencari jalan bagi memastikan isu kenaikan harga barang dapat diselesaikan.

Timbalan Menteri KPDN, Fuziah Salleh berkata, pelbagai inisiatif terus dilaksanakan dalam menangani isu tersebut termasuk program penyeragaman harga barangan antara bandar dan luar bandar melibatkan barangan

kawalan bersubsidi.

Selain itu, pihaknya telah meningkatkan pemantauan di lapangan secara berkala dalam mengurangkan beban rakyat, terutamanya golongan B40 dan M40.

"Kita ada 2,200 penguat kuasa yang memantau bekalan setiap hari. Dalam masa sama, kita ada 900 pegawai pemantau harga, yang turun memeriksa harga di premis-premis seluruh negara setiap hari.

Tidak cukup itu, kita ada pasukan petugas khas yang akan melakukan pemeriksaan mengejut serta ada jadual yang ditetapkan, selain bertindak mengikut aduan rakyat," katanya di sidang Dewan Rakyat di sini semalam.

Dalam pada itu, KPDN turut memaklumkan, pihaknya telah melancarkan platform Aduan Suri Januari lalu bertujuan untuk membantu golongan wanita menyalurkan aduan dan mempertahankan hak mereka.



KERAJAAN akan terus mencari kaedah untuk memastikan isu kenaikan harga barang ditangani sebaiknya. – GAMBAR HIASAN

Penyeludup ambil diesel di stesen Lembah Klang

Kuala Lumpur: Sindiket penyeludupan diesel dikesan menjadikan stesen sekitar Lembah Klang sebagai sasaran membeli bekalan berulang kali sebelum bahan bakar itu dikumpul dan diseludup ke negara jiran.

Kegiatan itu dibongkar menerusi Ops Tiris oleh penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kuala Lumpur yang berhasil merampas sejumlah besar diesel dikumpul di sebuah stor dekat Jalan Pasir Baru di sini.

Pengarah KPDN Kuala Lumpur, Ariffin Samsudin, berkata serbuan dibuat pada 4 Oktober lalu selepas risikan tiga minggu mendapati beberapa lori berkapasiti satu, tiga dan lima tan yang ditutup kanvas, berulang kali membeli diesel di stesen minyak dekat Jalan Klang Lama.

Beliau berkata, pihaknya turut menyita sebuah lori kontena 20 kaki dengan muatan diesel dalam *flexi bag* berjumlah 24,000

liter dianggarkan bernilai RM56,400.

Katanya, mereka menemukan tiga tangki skid dipercayai digunakan untuk menyimpan diesel.

“Namun, hanya sebuah tangki skid mengandungi cecair disyaki diesel berjumlah 4,073 liter bernilai RM9,571.55 ditemui dengan nilai keseluruhan rampasan dianggarkan RM120,966.95.

“Empat warga tempatan membatikan dua pekerja stor, seorang pemandu lori dan seorang lagi dipercayai pemilik stor haram terbabit ditahan ba-



Ariffin Samsudin

gi membantu siasatan.

“Kes disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 kerana disyaki menjalankan urusan niaga barang kawalan iaitu diesel tanpa lesen sah dan disyaki menyimpan barang kawalan di tempat tidak dilesenkan,” katanya di sini, semalam.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 10 OKTOBER 2023

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
10-Oct	Parlimen: Lebih 2,000 penguat kuasa pantau harga barang, bekalan makanan setiap hari	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/lebih-2000-penguat-kuasa-pantau-harga-barang/	UM
10-Oct	Harga barang: Setiap hari 2,200 penguatkuasa KPDN lakukan pemantauan - Fuziah	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/harga-barang-setiap-hari-2200-penguatkuasa-kpdn-lakukan-pemantauan-fuziah-440929	ASTROAWANI
10-Oct	2,200 penguat kuasa KPDN periksa kedai setiap hari - Fuziah	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/10/1162703/2200-penguat-kuasa-kpdn-periksa-kedai-setiap-hari-fuziah	BH
10-Oct	2,200 Penguatkuasa KPDN Periksa Kedai Setiap Hari – Fuziah	https://harapanmadani.com/2200-penguatkuasa-kpdn-periksa-kedai-setiap-hari-fuziah/	HARAPANDAILY
10-Oct	2,200 penguat kuasa KPDN pantau bekalan makanan setiap hari – Fuziah	https://malaysiagazette.com/2023/10/09/2200-penguat-kuasa-kpdn-pantau-bekalan-makanan-setiap-hari-fuziah/	MALAYSIAGAZETTE
10-Oct	2,200 penguat kuasa pantau harga barang, bekalan makanan setiap hari -Fuziah	https://youtu.be/MVX3Umj_6Gw?si=QoCM2kEx2c56DMLX	KINITV
10-Oct	Ministry committed to monitoring food supplies in the country, says Fuziah	https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/10/09/ministry-committed-to-monitoring-food-supplies-in-the-country-says-fuziah	THESTAR
10-Oct	KPDN komited cari alternatif tangani kenaikan harga barang - Fuziah	https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/70735-kpdn-komited-cari-alternatif-tangani-kenaikan-harga-barang-fuziah	BERITARTM

10-Oct	Empat juta rakyat terima manfaat program Jualan Rahmah	https://www.sinarharian.com.my/article/283320/berita/nasional/empat-juta-rakyat-terima-manfaat-program-jualan-rahmah	SH
10-Oct	Dewan Rakyat: KPDN terus cari jalan tangani kenaikan harga barang	https://www.kosmo.com.my/2023/10/09/dewan-rakyat-kpdn-terus-cari-jalan-tangani-kenaikan-harga-barang/	KOSMO
10-Oct	Domestic Trade and Cost of Living Ministry probing claims of 'plastic rice' sold in Sabah	https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/nation/2023/10/964816/domestic-trade-and-cost-living-ministry-probing-claims-plastic-rice-sold	NST
10-Oct	KPDN jalankan siasatan terperinci dakwaan beras plastik	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/283303	SH
10-Oct	KPDN siasat dakwaan beras palsu di Sandakan	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2233032	BERNAMA
10-Oct	KPDN siasat video tular berkaitan beras plastik di Sandakan	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/10/1018042/kpdn-siasat-video-tular-berkaitan-beras-plastik-di-sandakan	HM
10-Oct	Isi berulang kali dedah cubaan seludup diesel	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/10/1018049/isi-berulang-kali-dedah-cubaan-seludup-diesel	HM
10-Oct	Jual beras plastik, KPDN jalankan siasatan segera	https://www.utusanborneo.com.my/2023/10/09/jual-beras-plastik-kpdn-jalankan-siasatan-segera	UMBORNEO
10-Oct	KPDN investigating claims of artificial rice sold in Sandakan	https://www.thesundaily.my/local/kpdn-investigating-claims-of-artificial-rice-sold-in-sandakan-DG11600416	THESUNDAILY

10-Oct	Jual beras plastik, KPDN jalankan siasatan segera	https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/jual-beras-plastik-kpdn-jalankan-siasatan-segera-x8ooslg	ASTROAWANI
10-Oct	KPDN siasat dakwaan beras plastik di Sandakan	https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/465925	THEMALAYSIANINSIGHT
10-Oct	KPDN siasat dakwaan beras palsu di Sandakan	https://www.bernama.com/bm/wilayah/news.php?id=2233032	BERNAMA
10-Oct	Armizan: Domestic Trade and Cost of Living Ministry probing claims of artificial rice sold in Sandakan	https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/10/09/armizan-domestic-trade-and-cost-of-living-ministry-probing-claims-of-artificial-rice-sold-in-sandakan/95306	MALAYMAIL
10-Oct	KPDN siasat dakwaan beras plastik	https://www.google.com/amp/s/www.freemalaysiatoday.com/amp/category/bahasa/tempatan/2023/10/09/kpdn-siasat-dakwaan-tular-beras-plastik/	FMT
10-Oct	2,200 officers monitor food supply daily, says Fuziah	https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/10/10/2200-officers-monitor-food-supply-daily-says-fuziah	THESTAR
10-Oct	Sindiket diesel beralih ke Lembah Klang, beli bekalan seludup ke negara jiran	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/10/1162733/sindiket-diesel-beralih-ke-lembah-klang-beli-bekalan-seludup-ke-negara	BH

10-Oct	Sindiket ubah taktik beli diesel di KL sebelum seludup ke negara jiran	https://malaysiagazette.com/2023/10/09/sindiket-ubah-taktik-beli-diesel-di-kl-sebelum-seludup-ke-negara-	MALAYSIAGAZETTE
10-Oct	KPDN rampas hampir 30,000 liter diesel seleweng bernilai RM120,000	https://www.google.com/url?q=https://www.bernama.com/bm/news.php%3Fid%3D2233052&sa=U&sqi=2&ved=2ahUKEwiMw9_houqBAxWHyzgGHbPBDBcQFnoECAsQAQ&usg=AOvVaw1yC9iy5gVfZ3uH96fr-oWp	BERNAMA
10-Oct	Ops Tiris: KPDN KL rampas 28,073 liter diesel diseleweng	https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/70739-ops-tiris-kpdn-kl-rampas-28-073-liter-diesel-diseleweng	BERITARTM